

# Facebook medium dakwah moden

Oleh MUHAMAD FARID YUSOF

FACEBOOK (FB) merupakan laman sosial paling popular dalam kalangan remaja sekarang. Ada sokongan bagi menguatkan kenyataan ini adalah, 34 peratus daripada jumlah pengguna FB di Malaysia adalah generasi muda yang berumur antara 18 hingga 24 tahun. Di peringkat dunia pula, Malaysia menduduki tangga ke-17 pengguna FB sebagaimana dilaporkan oleh laman [www.socialbakers.com](http://www.socialbakers.com).

FB yang dilancarkan pada 2004 diilhamkan oleh Mark Zuckerberg, ketika berumur 21 tahun seorang lulusan Harvard umumnya bertujuan memudahkan penggunanya untuk bersosial secara aktif dengan kenalan mereka serta menyatakan pendirian terhadap sesuatu isu secara cepat dan berkesan.

Oleh demikian, FB mempunyai kelebihan yang perlu digarap oleh umat Islam untuk meluaskan jaringan dakwah serta menerokanya dalam ertikata untuk memperbaiki persepsi terhadap Islam itu sendiri.

Namun, persoalannya, sejauh mana laman sosial popular seperti FB ini boleh digunakan sebagai medium dakwah dalam kalangan umat Islam dan bukannya sebagai satu alat yang melekakan dan mengurangkan produktiviti masyarakat?

Jawapan kepada persoalan ini sebenarnya memanggil pendakwah zaman moden kini berdepan dengan cabaran baru yang jauh lebih sengit daripada era media massa tradisional yang terbatas kepada radio, televisyen dan akhbar sahaja apabila sesetengah masyarakat tidak lagi terpicik dengan cara

ceramah, khutbah, dakwah seperti berlaku pada tahun 1970-an, 1980-an dan 1990-an.

Oleh yang demikian, umat Islam perlu mula memikirkan jawapan kepada cabaran baru ini agar Islam tidak ketinggalan dalam peredaran zaman globalisasi kini.

Antara langkah utama setiap muslim dalam menyebarkan dakwah di FB adalah setiap informasi mestilah bersandarkan ilmu dan pendekatan yang diolah dengan bijaksana agar mencetuskan perubahan kepada diri manusia sebagaimana mafhum daripada Surah An Nahl ayat 125.

Sebagai contoh, dakwah boleh disebar dengan kita mendisiplinkan diri semasa 'berFB' iaitu menulis status menggunakan perkataan dan gaya bahasa yang baik. Justeru, setiap muslim haruslah mengambil faedah dengan menggunakan segala kelengkapan yang ada pada FB tersebut seperti *Wall Post, Notes, Pictures Sharing* sebagai medium untuk menyampaikan fikrah dakwah kepada pengguna Facebook.

Selain itu, kita boleh kongsi aktiviti harian dan pengalaman berbentuk pengajaran yang disulam dengan ayat-ayat Allah SWT dan Hadis Rasulullah SAW sebagai bahan dakwah yang berkesan kerana ia boleh di *likes* dan di-*share* kan oleh semua pengguna FB serata dunia hanya dalam beberapa saat.

Contohnya, status FB berunsur dakwah yang diselitkan mafhum ayat al-Quran dan hadis oleh bekas Mufti Perlis, Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin di-*likes* dan di-*share* oleh beribu-ribu pengguna laman sosial itu. Bahkan "*page Dr.Maza.com* di-*likes* hampir 111,000 pengguna laman sosial itu.

Ini menunjukkan bahawa dakwah melalui FB juga mendapat tempat di hati masyarakat namun ia memerlukan kaedah dan metod yang sesuai.

Dr. Zaharuddin Abd Rahman dalam laporan *Utusan Malaysia Online* yang bertajuk "Capaian dakwah maya lebih meluas" berkata bahawa media baru kini umpama ribut tsunami kerana ia berupaya mempopularkan seseorang serta menyebarkan pengaruh dalam masa yang amat singkat.

Beliau juga berkata hampir, 'semua orang mempunyai akaun FB sendiri, semestinya mereka mempunyai jumlah rakan tersendiri dalam laman sosial tersebut.

Oleh itu, setiap status yang dikemas kini akan dibaca oleh setiap rakan maka pendakwah perlu segera merancang dan mengambil kesempatan daripada kemudahan ini untuk menyebarkan Islam melalui pendekatan yang santai dan digemari tersebut.

Strategi yang digunakan untuk menyampaikan dakwah perlulah bersifat fleksibel dan praktikal agar relevan dengan peredaran semasa.

Seciranya kita sebagai pendakwah mampu memanfaatkan FB dengan memaksimumkan kreativiti, pengisian serta gaya penulisan yang baik, maka ia akan menjadi tarikan kepada pembaca serta medium berguna untuk kita sebar link blog dan mempromosikan artikel dakwah yang ditulis.

Sebagai contoh, laman web [iluvislam.com](http://iluvislam.com) mempunyai pengikut hampir satu juta di laman sosial FB, bahkan setiap artikel dan hasil penulisan sering di-*likes* dan di-*copy* serta di-*share* oleh pengguna FB dalam masa

beberapa minit ia dikeluarkan.

Kini, ia menjadi tempat rujukan utama oleh pengguna FB untuk mendapatkan bahan-bahan dakwah.

Penguasaan FB oleh umat Islam mampu merubah fenomena 'kegilaan' masyarakat daripada perkara yang tidak bermanfaat kepada pengetahuan ilmu agama dengan mengislamkan dunia siber.

Jika hal ini menjadi kenyataan, maka aktiviti-aktiviti yang 'menjolak mata' dan melemahkan minda seperti kenyataan yang melampaui batas, penyebaran hadis-hadis palsu, penyebaran fitnah dan kongsi gambar-gambar yang bersalahan dengan syariat yang berlaku dalam pengisian FB dapat dikurangkan.

Sewajarnya, FB boleh dijadikan medium untuk merapatkan lagi hubungan interaksi sesama kaum serta mendekatkan masyarakat bukan Islam dengan Islam itu sendiri. Bukti-tanya, banyak 'status' tentang hukum-hukum Islam tersebar dalam laman FB mereka, bahkan ia turut dikongsi oleh mereka.

Fenomena ini dapat dilihat dengan jelas dalam akaun laman sosial seseorang yang mempunyai rakan pelbagai kaum sama ada Cina, India mahupun Melayu dimana hubungan interaksi antara kaum menjadi semakin rapat dalam FB, walaupun secara lumrahnya masing-masing segan untuk bertegur sapa.

FB menjadi tunjang dalam menyebarkan dakwah di era millennium ini.

**PENULIS** ialah Pelajar Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).